

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
MAJLIS PERASMIAN KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN KUTKM BIL.1/2006
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TEMPAT:
TIARA BEACH RESORT
PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

TARIKH :
10 JULAI 2006

TEKS UCAPAN YBHG DATUK PROFESOR ISMAIL
BIN HASSAN, REKTOR KUTKM SEMPENA MAJLIS
PERASMIAN KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN
KUTKM BIL. 1/2006 PADA 10 JULAI 2006
BERTEMPAT DI TIARA BEACH RESORT, PORT
DICKSON, NEGERI SEMBILAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGGOMERSILAN / INOVASI)

Y. BERUSAHA PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN
SUAIDI

DEKAN PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI SELAKU
PENGERUSI JAWATANKUASA KURSUS KEADAH
PENYELIDIKAN

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

PENCERAMAH-PENCERAMAH JEMPUTAN

SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA
HORMATI

PERTAMANYA MARILAH KITA MEMANJATKAN
KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT KERANA

DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA DAPAT KITA BERKUMPUL BERSAMA DALAM MAJLIS ILMU YANG MULIA INI. KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN KUTKM BIL. 1/2006 INI MERUPAKAN ANJURAN KALI KETIGA OLEH KUTKM DAN MERUPAKAN SATU AKTIVITI YANG AMAT PENTING DALAM PERJALANAN KUTKM MENCAPAI VISI DAN MISI UNIVERSITI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

KUTKM ADALAH SEBUAH UNIVERSITI AWAM YANG DITUBUHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI MASA DEPAN TERHADAP SUMBER TENAGA PROFESIONAL DALAM BIDANG TEKNIKAL .

SUMBER TENAGA PROFESIONAL YANG DIHASILKAN OLEH KUTKM TIDAK SAHAJA MEMPUNYAI PENGETAHUAN AKADEMIK YANG MANTAP TETAPI JUGA BERKETERAMPILAN DENGAN PELAKSANAAN

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN.

PENYELIDIKAN MERUPAKAN AKTIVITI TERAS YANG AMAT PENTING BAGI SESEBUAH UNIVERSITI. KEJAYAAN DALAM BIDANG PENYELIDIKAN AKAN MENINGKATKAN NAMA DAN MARTABAT UNIVERSITI DARI KACA MATA DUNIA. OLEH KERANA ITULAH KUTKM SENTIASA MENGALUKAN-ALUKAN USAHA-USAHA STAF AKADEMIK UNTUK BERGIAT SECARA AKTIF DALAM BIDANG PENYELIDIKAN. BENGKEL YANG DIADAKAN HARI INI ADALAH SATU LANGKAH BAGI MELAHIRKAN LEBIH RAMAI PENYELIDIK YANG BERWIBAWA.

UNTUK MAKLUMAN SEMUA, PADA TAHUN 2002/2003, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI TELAH MEMPERUNTUKKAN GERAN PENYELIDIKAN SEBANYAK RM500,000 KEPADA KUTKM. BAGI TAHUN 2003/2004 PULA, KUTKM TELAH

MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH RM750,000 BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN PROJEK JANGKA PENDEK DAN RM1.5 JUTA BAGI TAHUN 2005/2006. SEHINGGA BULAN JULAI 2006, JUMLAH PERUNTUKAN UNIVERSITI BAGI 32 PROJEK PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK DALAM PUSINGAN PERTAMA ADALAH SEBANYAK RM532,192.00.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

SEBAGAI KUMPULAN PROFESIONAL, PARA PENYELIDIK PERLU LEBIH PRIHATIN TERHADAP PELUANG DAN GERAN PENYELIDIKAN YANG DISEDIAKAN TIDAK SAHAJA OLEH UNIVERSITI TETAPI JUGA OLEH AGENSI ATAU PIHAK LAIN SAMADA MELALUI PERUNTUKAN KERAJAAN MAHUPUN SWASTA. IA PENTING BAGI MEMBOLEHKAN LEBIH BANYAK PENYELIDIKAN DAPAT DIHASILKAN TERUTAMANYA YANG

MELIBATKAN KERJASAMA PENYELIDIKAN DENGAN PIHAK INDUSTRI.

PIHAK UNIVERSITI BERSEDIA UNTUK MEMBERI SOKONGAN PENUH KEPADA STAF AKADEMIK BAGI MENDAPATKAN GERAN PENYELIDIKAN TERUTAMANYA YANG MELIBATKAN KERJASAMA PENYELIDIKAN DENGAN PIHAK INDUSTRI.

PIHAK UNIVERSITI BERSEDIA UNTUK MEMBERI SOKONGAN PENUH KEPADA STAF AKADEMIK BAGI MENDAPATKAN GERAN PENYELIDIKAN TERUTAMANYA DALAM BENTUK SUMBER KEWANGAN SEPERTI TECHFUND, SCIENCEFUND DAN INNOFUND DARIPADA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) SERTA TABUNG-TABUNG PENYELIDIKAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN ATAUPUN PERTUBUHAN SEDUNIA.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

SECARA UMUMNYA KERAJAAN AMAT KOMITED UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN R&D, KEUPAYAAN SAINTIFIK DAN KEUPAYAAN INOVASI DALAM RMK9. PERBELANJAAN SEKTOR AWAM BAGI AKTIVITI R&D DIPERUNTUKKAN SEBANYAK RM3.9 BILLION IAITU DITINGKATKAN DUA KALI GANDA BERBANDING PERUNTUKAN DALAM RMK8. KERAJAAN JUGA TELAH MELETAKKAN SASARAN MENGHASILKAN 50 ORANG PENYELIDIK, SAINTIS DAN JURUTERA (RSE) BAGI SETIAP 10,000 TENAGA KERJA MENJELANG TAHUN 2010.

PIHAK KERAJAAN TERUS MELETAKKAN HARAPAN YANG LEBIH SERIUS KEPADA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM UNTUK BERGIAT CERGAS DALAM AKTIVITI PENYELIDIKAN. DALAM RMK9 SEBANYAK RM200 JUTA PERUNTUKAN FUNDEMENTAL AKAN DISALURKAN KEPADA SEMUA IPTA MELALUI

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI. PIHAK KERAJAAN AMAT MENGHARAPKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN YANG DILAKUKAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM AKAN MENGHASILKAN PRODUKTIVITI TERUTAMANYA BAGI PENYELIDIKAN YANG BERNILAI KOMERSIL.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

STAF AKADEMIK MERUPAKAN KUMPULAN STAF YANG BEGITU PENTING DAN DIANGGAP SEBAGAI PENYUMBANG UTAMA KEPADA PEMBANGUNAN UNIVERSITI. PADA MASA KINI KUTKM MEMPUNYAI STAF AKADEMIK BERKELAYAKAN DOKTOR FALSAFAH SERAMAI 25 ORANG MANAKALA BERKELAYAKAN SARJANA SERAMAI 341 ORANG. KUTKM BERAZAM UNTUK MENCAPAI SASARAN 50% KAKITANGAN AKADEMIK BERKELAYAKAN DOKTOR FALSAFAH PADA TAHUN 2010.

USAHA-USAHA TELAH DIJALANKAN UNTUK MENGHANTAR STAF AKADEMIK MELANJUTKAN PELAJARAN KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI. SEHINGGA AKHIR TAHUN 2005, KUTKM TELAH MENGHANTAR SEBANYAK 77 ORANG UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN PADA PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH DAN 186 PADA PERINGKAT SARJANA SAMA ADA DALAM DAN LUAR NEGARA. BAGI TAHUN 2006 MELALUI RMK9, KUTKM TELAH DIPERUNTUKKAN SEBANYAK 60 KUOTA IAITU 60% TEMPATAN, 5% SPLIT PROGRAM DAN 35% LUAR NEGARA; BERBANDING DENGAN TAHUN 2005 HANYA 30 KUOTA.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN KUTKM YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK PEJABAT PENDAFTAR DAN PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI (UNIC) INI ADALAH AMAT PENTING DALAM USAHA KUTKM

UNTUK MENYEDIAKAN ASAS PENYELIDIKAN KEPADA STAF AKADEMIK YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI SAMA ADA PADA PERINGKAT SARJANA MAHUPUN DOKTOR FALSAFAH. MODUL KURSUS INI YANG KITA BINA SENDIRI ADALAH HASIL DARIPADA PENGAMATAN, PENELITIAN DAN KEPERLUAN YANG KITA LIHAT AMATLAH *SIGNIFICANT* KEPADA SUASANA PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN YANG DILALUI DI KUTKM.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

MODUL KURSUS INI AKAN DAPAT MENYEDIAKAN KEPERLUAN PARA PESERTA KURSUS YANG MENYENTUH SEMUA ASPEK DAN KEPERLUAN PENYELIDIKAN. IA DIBAHAGIKAN KEPADA DUA BAHAGIAN IAITU BAHAGIAN PERTAMA PARA PESERTA DIDEDAHKAN KEPADA PERSEDIAAN ASAS UNTUK MENGADAKAN KERJA-KERJA

PENYELIDIKAN DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH YANG TEPAT DI SAMPING MAKLUMAT-MAKLUMAT BERKAITAN PENYELIDIKAN YANG SAINTIFIK.

BAHAGIAN KEDUA KURSUS INI AKAN MEMASTIKAN PARA PESERTA DIDEDAHKAN DENGAN MODUL BERKAITAN PENGHASILAN KERTAS KERJA PENYELIDIKAN YANG BERNAS DAN CEMERLANG MELALUI PEMBENTANGAN. SEMOGA PENGALAMAN BERKURSUS YANG DITEMPOHI DI SINI TELAH BENAR-BENAR MENYEDIAKAN PARA PESERTA UNTUK MENJADI PENYELIDIK YANG BERJAYA DAN SETERUSNYA MEMBAWA SATU IMPAK KECEMERLANGAN KEPADA KUTKM MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI PENYELIDIKAN YANG LEBIH BERMUTU.

TUAN-TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

SEBAGAI SEORANG AHLI AKADEMIK, PENCAPAIANNYA DALAM BIDANG AKADEMIK BANYAK DIUKUR DAN DINILAI DARI SEGI SUMBANGANNYA DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN PENULISAN DI SAMPING MEMBENTANGKANNYA DALAM SEMINAR, KURSUS, SIMPOSIUM, KONVENSYEN DAN SEBAGAINYA. OLEH YANG DEMIKIAN, KECEMERLANGAN AKADEMIK DALAM BENTUK PENYELIDIKAN AMATLAH PENTING BAGI MENENTUKAN PEMBENTANGAN DAN PENULISAN DALAM BENTUK KERTAS KERJA DAN JURNAL BENAR-BENAR BERMUTU. IA ADALAH SATU KRITERIA YANG DINILAI UNTUK KENAIKAN PANGKAT.

AKHIRNYA, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI (UNIC) DAN UNIT CUTI BELAJAR, PEJABAT PENDAFTAR KERANA

TELAH BERJAYA MENGANJURKAN KURSUS
KAEDAH PENYELIDIKAN KUTKM BIL. 1/2006.

SEKIAN WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM W.B.T.

SAYA BERHARAP AGAR PARA PESERTA
MENGUNAKAN KESEMPATAN DI DALAM KURSUS
INI UNTUK MENIMBA ILMU PENGETAHUAN DAN
PENGALAMAN SEPANJANG KURSUS
BERLANGSUNG SUPAYA IANYA BENAR-BENAR
BERMANFAAT. SEMOGA TUAN-TUAN/PUAN-PUAN
MENJADIKAN MEDAN AKADEMIK SEBAGAI MEDAN
PERJUANGAN UNTUK MEMBUDAYAKAN
PENYELIDIKAN. KECEMERLANGAN SAUDARA
SAUDARI DALAM BIDANG PENYELIDIKAN ADALAH
SATU TANGGUNGJAWAB SEBAGAI AHLI AKADEMIK
UNTUK KEMAKMURAN NEGARA.

TERIMA KASIH.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAAHMANIRAHIM SAYA
MERASMIKAN KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN
KUTKM BIL. 1/2006.